Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor and Terengganu have managed to retain the Certificate for Forest Management under MTCS.

PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN
FOREST RESOURCES DEVELOPMENT

Jumlah Tahunan *Yearly Total*	**Peruntukan** *Allocation*	**Perbelanjaan** *Expenditure*	**Peratus** *Percent*
Persekutuan / *Federal*	RM29,610,770	RM29,468,564	99.5%
Negeri / *State**	RM93,313,611	RM75,684,244	81.1%
Jumlah / *Total*	**RM122,924,381**	**RM105,152,808**	**85.5%**

Nota / *Note:*
*Termasuk Projek Pembangunan dan KWPH / *Include Development Project and KWPH*

PEMULIHARAAN HUTAN DAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

FOREST CONSERVATION AND ENVIRONMENTAL PROTECTION

Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara.
Programme for the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline.

7.95
juta / *million*
Jumlah Penanaman Anak Pokok (2005-2023)
Total Seedlings Planted (2005-2023)

56
kempen / *campaigns*
Kempen Kesedaran di Seluruh Negara Tahun 2023
Awareness Campaign Programme Throughout Country 2023

3,461
hektar / *hectares*
Keluasan Kawasan Penanaman (2005-2023)
Planting area (2005-2023)


Kempen ini melibatkan pelbagai lapisan masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan hutan pesisiran pantai serta memupuk semangat "milik bersama" terhadap kesejahteraan alam sekitar.

Sesi Ke-38 Persidangan *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO) pada 6 November 2015 di Paris telah mengisytiharkan tarikh 26 Julai setiap tahun sebagai Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa.

This campaign involved various communities with the purpose to enhance public awareness on the importance of coastal forest as well as to instil the spirit of 'common ownership' for environmental wellbeing

The 38th Session of the United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) Conference on 6 November 2015 in Paris has declared 26 July each year as the International Mangrove Forest Ecosystem Conservation Day.

Laporan Tahunan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara 2022.



Annual Report of the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline 2022.

PENGUSAHASILAN HUTAN
FOREST HARVESTING

Kawasan dilesenkan untuk Pengusahasilan 2023
Area Licensed for Harvesting 2023

Hutan Simpanan Kekal
Permanent Reserved Forest

Di bawah Catuan Tebangan Tahunan
Under Annual Allowable Cut

62.41% daripada jumlah Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang ditetapkan iaitu 37,710 hektar.
62.41% of the total Annual Allowable Cut (AAC) approved amounting to 37,710 hectares.

23,533ha
42.0%

Hutan Simpanan Kekal
Permanent Reserved Forest

Luar Catuan Tebangan Tahunan*
*Outside Annual Allowable Cut**

*Keluasan HSK yang diusahahasil secara tebang habis untuk tujuan pembangunan, perladangan hutan dan penyelidikan.
**PRF clear-felled for development, forest Plantation and research.*

19,340ha
34.5%

Kawasan yang dilesenkan untuk pengusahasilan tahun 2023
Area Licensed for Harvesting in 2023

56,047ha
100%

Hutan Tanah Kerajaan
State Land Forest
2,912ha
5.2%

Tanah Berimilik
Alienated Land
10,263ha
18.3%

INDUSTRI BERASAS KAYU
WOOD-BASED INDUSTRIES

Bilangan Industri Berasas Kayu Utama 2023
Number of Major Wood-Based Industries 2023



Jenis Industri
Types of Industries

*Sumber dari LPKM / *Source from MTIB*

SUMBANGAN SOSIOEKONOMI
SOCIOECONOMIC CONTRIBUTIONS

Sektor perhutanan telah menyumbang sebanyak **RM7.20 bilion** atau **0.4%** daripada Jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia iaitu **RM 1,822,904** trilion dalam tahun 2023.

*The forestry sector contributed **RM7.20 billion** or **0.4%** of Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) of **RM 1,822,904** trillion in 2023.*

Perdagangan Produk Kayu-Kayan
Timber Product Trade




Jumlah pendapatan eksport produk kayu-kayan Malaysia telah mengalami penurunan sebanyak **13.4%** kepada **RM21.84** bilion berbanding **RM25.21** billion pada tahun **2022.**

*The total export earnings of Malaysian timber products decreased of **13.4%** to **RM21.84** billion as compared to **RM25.21** billion in **2022.***

Jumlah eksport produk kayu-kayan di Semenanjung Malaysia mengalami penurunan sebanyak **11.2%** kepada **RM4.96** billion berbanding **RM5.58** billion pada tahun **2022.**

*The total export of timber products for Peninsular Malaysia decreased of **11.2%** to **RM4.96** billion as compared to **RM5.58** billion in **2022**.*





Berdasarkan nilai harga tetap pada tahun 2023
Based on fixed asset in 2023

2023
RM2.32
Billion

3.1%

2022
RM2.25
Billion

Jumlah Pelaburan dalam Industri Kayu Gergaji, Papan Lapis dan Kayu Kumai di Semenanjung Malaysia

The Total Investment in the Sawmill, Plywood, and Moulding Industries in Peninsular Malaysa


Kutipan Hasil Hutan kepada Kerajaan Negeri
Forest Revenue Collection to the State Government

Kutipan hasil hutan diperolehi daripada royalti, premium, ses, kompaun kesalahan hutan, pampasan dan lain-lain caj/fi. Hasil ini telah menyumbang **RM522.11** juta kepada kerajaan negeri pada tahun 2023.

*Forest revenues are derived from royalties, premiums, cess, forest offence fines, compensations and other charges/fees. The forest revenue contributed **RM522.11** million to the state coffers in 2023.*

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

Program Latihan 2023
Training programme



Dalam Latihan
In Training

Institut Latihan Perhutanan, Kepong
Forestry Training Institutes, Kepong (FORTRAIN)

a. 30 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan bagi tahun 2023
30 trainees of the Forestry Rangers Certificate Course for 2023

b. 90 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan bagi tahun 2023
90 trainees of the Forestry Forester Certificate Course for 2023

c. 120 pelatih bagi Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan Sesi 2021/2023 dan Kursus Sijil Pengawas Hutan Sesi 2022/2023 telah menamatkan latihan
120 trainees of the Forest Rangers Forestry Certificate 2021/2023 Session and the Forester Certificate Course for the 2022/2023 have completed their training.

Program Latihan 2023
2023 Training Programme

Kategori *Category*	**Dalam Negeri** *Local*	**Luar Negeri** *Overseas*
Kursus/Lawatan Belajar *Courses/Study Tour*	**73**	**11**
Seminar/Bengkel/Makmal *Seminar/Workshop/Lab*	**10**	**27**
Persidangan/Konvensyen/Simposium/Kolokium *Conference/Convention/Symposium/Coloquium*	**-**	**5**
Dialog/Forum *Dialogue/Forum*	**-**	**6**
Ceramah/Syarahan Am/Taklimat *Talk/Speeches/Briefing*	**4**	**-**
Ekspedisi *Expedition*	**-**	**-**
Lain-lain *Others*	**-**	**-**
Jumlah / *Total*	**87**	**49**





ARTIKEL
ARTICLES

Nepenthes malayensis

ARTIKEL / *ARTICLES*

KONVENSYEN RANGKA KERJA PERUBAHAN IKLIM BANGSA-BANGSA BERSATU KE-28

THE 28TH CONFERENCE OF PARTIES TO THE UNITED NATIONS FRAMEWORK CONVENTION ON CLIMATE CHANGE (UNFCCC COP-28)

Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) merupakan salah satu persidangan utama dunia di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ianya ditubuhkan sebagai platform untuk merundingkan pelbagai isu perubahan iklim khususnya berkaitan pelaksanaan tindakan di bawah protokol dan perjanjian iklim global seperti Protokol Kyoto dan Perjanjian Paris. Malaysia telah menjadi negara anggota kepada UNFCCC mulai 13 Julai 1994 dan sehingga kini masih aktif terlibat dalam konvensyen tersebut. JPSM juga mengikuti perkembangan dan keputusan UNFCCC setiap tahun memandangkan keputusan tersebut akan memberi kesan terhadap pelaksanaan amalan pengurusan hutan secara berkekalan khususnya di Semenanjung Malaysia.

The United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) is one of the world's main conferences under the United Nations Organization. It was established as a platform to discuss various climate change issues, particularly related to the implementation of actions under global climate protocols and agreements such as the Kyoto Protocol and the Paris Agreement. Malaysia has been a party to the UNFCCC since July 13, 1994, and to date, still actively involved in the convention. FDPM also keeps up-to-date with the UNFCCC development and decisions because it will impact the implementation of sustainable forest management practices, especially in Peninsular Malaysia.

Pada tahun ini, COP28 UNFCCC telahpun diadakan pada 30 November hingga 13 Disember 2023 bertempat di *Dubai Expo City,* Dubai. Malaysia telah menghantar ramai delegasi iaitu lebih kurang 600 orang yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Agensi, Jabatan dan organisasi bukan kerajaan (NGO). Antara delegasi tersebut ialah dua orang pegawai kanan JPSM iaitu YBhg. Dato' Indera Mohd. Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Cik Iqtie Qamar Laila binti Mohd Gani, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa yang turut berunding dan menunjukkan komitmen JPSM terhadap pengurusan sumber hutan secara berkekalan.

This year, the UNFCCC COP28 was held at the Dubai Expo City, Dubai, from 30th November to 13th December 2023. Malaysia fielded a robust delegation totaling approximately 600 individuals and represented a diverse range of stakeholders, including various Ministries, Agencies, Departments, and non-governmental organizations (NGOs). Notably, two senior FDPM officials, YBhg. Dato' Indera Mohd. Ridza bin Awang, Director General of Forestry Peninsular Malaysia, and Miss Iqtie Qamar Laila binti Mohd Gani, Senior Assistant Director, International Affairs Division, were among the delegates, further negotiating and demonstrating FDPM's commitment to sustainable forest management.

Dalam konvensyen ini, negara turut menganjurkan *Malaysia Pavilion* yang menawarkan pelbagai program seperti forum bual bicara, pembentangan dan perkongsian kebudayaan Malaysia. Forum yang telah telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ini turut melibatkan ahli panel yang terdiri daripada pelbagai pakar dalam pelbagai bidang dari dalam dan luar negara. YBhg. Dato' Indera Mohd. Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia telah dijemput sebagai panel dalam sesi bertajuk *Unlocking Nature-Based Solution (NBS) Towards Nature Positive Aspiration* sempena tema *Water and Biodiversity* pada 6 Disember 2023.

The country organized the Malaysia Pavilion at this convention, which offered various programmemes such as discussion forums, presentations, and sharing of Malaysian culture. The forum, which was inaugurated by His Majesty the Yang Dipertuan Agong, involved panelists consisting of various experts in various fields from within and outside the country. YBhg. Dato' Indera Mohd. Ridza bin Awang, Director General of Forestry in Peninsular Malaysia has been invited as a panelist in the session entitled Unlocking Nature-Based Solution (NBS) Towards Nature Positive Aspiration in conjunction with the theme of Water and Biodiversity on 6 December 2023.

Sesi tersebut melibatkan perbincangan mengenai keperluan untuk mencapai Matlamat Global Alam Sekitar pada 2030 *(Global Goal for Nature)* dan peranan *Nature Based Solusions* (NBS) dalam memupuk masa depan alam yang positif. YBhg. Dato' Indera KPPSM dalam ulasan beliau memberi mesej jelas bahawa tindakan memulihara dan melindungi alam sekitar dan hutan memerlukan peruntukan dan dana yang mencukupi serta tawaran insentif-insentif wajar seperti pengurangan cukai, pendanaan dan pengiktirafan kepada individu atau syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar. Perkara ini telah dipersetujui oleh ahli panel lain terutama wakil daripada *World Bank*.

The session involved discussions on the need to achieve the Global Goal for Nature in 2030 and the role of Nature Based Solutions (NBS) in fostering a positive future for nature. YBhg. Dato' Indera KPPSM, in his comments, gave a clear message that actions to conserve and protect the environment and forests require adequate allocation and funds as well as the offer of appropriate incentives such as tax reduction, funding, and recognition to individuals or companies involved in conservation activities and environmental protection. Other panel members, especially representatives from the World Bank, agreed to this matter.

Dalam sesi rundingan pula, ahli parti telah bersetuju dan memutuskan untuk menyumbang dengan cara *Nationally-Determined Contribution* (NDC) ke arah usaha global. Antara keputusan penting COP28 adalah:

In the negotiation session, the parties agreed and decided to contribute their nationally determined contribution towards the global effort. Among the important decisions of COP28 are:

i. Meningkatkan tiga kali ganda kapasiti tenaga boleh diperbaharui dan menggandakan kadar purata peningkatan kecekapan tenaga global sehingga 2030;
Tripling renewable energy capacity globally and doubling the global average annual rate of energy efficiency improvements by 2030

ii. Mempercepatkan usaha ke arah penurunan fasa kuasa arang batu tanpa henti secara global;
Accelerating efforts towards the phase down of unabated coal power

iii. Mempercepatkan usaha global ke arah sistem tenaga pelepasan sifar bersih, menggunakan bahan api rendah-dan sifar-karbon sebelum atau hingga pertengahan abad;
Accelerating efforts globally towards net-zero emission energy systems, utilizing zero-and low-carbon fuels well before or by around mid-century

iv. Beralih daripada sistem bahan api fosil secara adil, teratur dan saksama, mempercepatkan tindakan dalam dekad kritikal ini, supaya mencapai sifar bersih pada 2050 selaras dengan sains;
Transitioning away from fossil fuels in energy systems, in a just, orderly and equitable manner, accelerating action in this critical decade in keeping with the science

v. Mempercepatkan teknologi rendah-dan sifar-karbon termasuk, boleh diperbaharui, nuklear, teknologi penyingkiran dan pengurangan seperti perangkap karbon, dan penggunaan dan penyimpanan terutama dalam sektor yang-sukar-dihentikan dan pengeluaran rendah karbon hidrogen.
Accelerating low- and zero-emission technologies, including, renewables, nuclear, abatement and removal technologies such as carbon capture and utilisation and storage, particularly in hard-to-abate sectors, and low-carbon hydrogen production

vi. Mempercepat dan mengurangkan dengan ketara pelepasan bukan karbon dioksida secara global termasuk, khususnya pelepasan metana menjelang 2030;
Accelerating and substantially reducing non-carbon-dioxide emissions globally including, in particular, methane emissions by 2030

vii. Mempercepatkan pengurangan pelepasan daripada pengangkutan jalan pada pelbagai laluan, termasuk pembangunan infrastruktur dan penggunaan segera kenderaan sifar dan rendah pelepasan; dan
Accelerating the reduction of emissions from road transport on a range of pathways, including through development of infrastructure and rapid deployment of zero and low-emission vehicles

viii. Menghapuskan subsidi bahan api fosil tidak cekap yang tidak menangani kemiskinan tenaga atau peralihan adil secepatnya.
Phasing out inefficient fossil fuel subsidies that do not address energy poverty or just transitions, as soon as possible.

COP28 juga telah bersetuju dengan pembiayaan dana bagi *Loss and Damage Fund* daripada 19 negara yang telah memberikan komitmen sebanyak USD 792 juta terhadap dana dan pengaturan pembiayaan yang berkaitan dengan kerugian dan kerosakan, termasuk USD 100 juta daripada UAE. Selain itu, COP28 pada masa hadapan akan melantik Presiden bagi *Youth Climate Champion* untuk membantu memudahcara penglibatan belia dan kanak-kanak dalam tindakan perubahan iklim termasuk dalam proses UNFCCC.

COP28 has also agreed on the funding for the Loss and Damage Fund from 19 countries that have committed USD 792 million to funds and funding arrangements related to loss and damage, including USD 100 million from the UAE. In addition, COP28 will appoint a President for a Youth Climate Champion to facilitate the involvement of youth and children in climate change action, including in the UNFCCC process.

Malaysia juga telah menyokong dan menandatangani tiga (3) deklarasi yang melibatkan beberapa Kementerian. Deklarasi tersebut ialah *Global Renewables and Energy Efficiency Pledge* yang ditandatangani oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim – Bahagian Tenaga, COP28 UAE *Declaration on Climate and Health* yang ditandatangani oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan COP28 UAE *Declaration on Sustainable Agriculture, Resilient Food Systems and Climate Action* yang ditandatangani oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Malaysia has also supported and signed three (3) declarations involving several Ministries. The declarations are the Global Renewables and Energy Efficiency Pledge signed by the Ministry of Natural Resources, Environment, and Climate Change, the COP28 UAE Declaration on Climate and Health signed by the Ministry of Health Malaysia, and the COP28 UAE Declaration on Sustainable Agriculture, Resilient Food Systems, and Climate Action signed by the Ministry of Agriculture and Food Security.

Tindakan susulan JPSM terhadap UNFCCC COP-28
FDPM's follow-up actions on UNFCCC COP-28

1. Hasil pertama *Global Stocktake* (GST) telah menetapkan peranan penting hutan dan alam semulajadi dalam memastikan pencapaian Perjanjian Paris. Perkara ini ditetapkan di para 33 dan 34 dalam dokumen FCCC/PA/CMA/2023/L.17 seperti berikut:
   The first results of the Global Stocktake (GST) have established the important role of forests and nature in ensuring the achievement of the Paris Agreement. This matter is set out in paragraphs 33 and 34 in document FCCC/PA/CMA/2023/L.17 as follows:

   1.1 Para 33: menekankan kepentingan memelihara, melindungi dan memulihara alam semulajadi dan ekosistem ke arah mencapai sasaran suhu Perjanjian Paris termasuk meningkatkan usaha menghentikan dan membalikkan penyahhutanan dan degradasi hutan menjelang 2030.
   Para 33 emphasizes the importance of preserving, protecting, and conserving nature and ecosystems in achieving the Paris Agreement temperature target, including increasing efforts to stop and reverse deforestation and forest degradation by 2030.

   1.2 Para 34: memaklumkan keperluan terhadap bantuan kewangan dengan meningkatkan sokongan dan sumber pelaburan, perpindahan teknologi dan pembangunan kapasiti, dan usaha dalam menghentikan dan membalikkan penyahhutanan dan degradasi hutan menjelang 2030 dalam konteks pembangunan mampan dan pembasmian kemiskinan berdasarkan Artikel *5* Perjanjian Paris.
   Para 34: informs the need for financial assistance by increasing support and investment resources, technology transfer and capacity building, and efforts to stop and reverse deforestation and forest degradation by 2030 in the context of sustainable development and poverty eradication based on Article 5 of the Paris Agreement.

2. Dalam hal ini, JPSM melalui Kementerian (NRES) perlu menggiatkan usaha memelihara, melindungi dan memulihara ekosistem hutan dengan pelaksanaan langkah-langkah wajar melalui penyediaan polisi berkaitan adaptasi dan mitigasi, pemberian insentif kepada aktiviti yang berkait pengurusan hutan mampan dan peningkatan stok karbon hutan.
   In this regard, FDPM, through the Ministry (NRES), needs to intensify efforts to preserve, protect, and conserve the forest ecosystem by implementing appropriate measures, preparing policies related to adaptation and mitigation, providing incentives to activities related to sustainable forest management, and increasing forest carbon stocks.

3. JPSM khususnya perlu membuat persediaan terhadap pelaporan-pelaporan bagi memenuhi obligasi GST dalam sektor perhutanan sepertimana para 33 dan 34 dengan terlibat dalam proses GST bersama NRES.
   FDPM, in particular, needs to prepare for reporting to fulfill GST obligations in the forestry sector, as in paragraphs 33 and 34, by being involved in the GST process together with NRES.

4. JPSM perlu merujuk Artikel 5 Perjanjian Paris yang antara lain menetapkan keperluan penyediaan polisi berdasarkan *result-based payments* dan insentif positif bagi aktiviti yang berkaitan pengurangan pelepasan daripada penyahhutanan dan degradasi hutan.
   FDPM needs to refer to Article 5 of the Paris Agreement, which, among others, stipulates the need to prepare policies based on result-based payments and positive incentives for activities related to reducing emissions from deforestation and forest degradation.

5. Artikel 5 Perjanjian Paris juga menyatakan kepentingan peranan pemuliharaan, pengurusan hutan yang mampan dan peningkatan stok karbon hutan di negara membangun dan pendekatan dasar alternatif, seperti mitigasi bersama dan pendekatan penyesuaian untuk pengurusan hutan yang bersepadu dan mampan, manakala menegaskan semula kepentingan memberi insentif, mengikut kesesuaian, faedah bukan karbon.
Article 5 of the Paris Agreement also states the importance of conservation, sustainable forest management and the increase of forest carbon stocks in developing countries, as well as alternative policy approaches, such as joint mitigation and adaptation approaches for integrated and sustainable forest management, while reaffirming the importance of incentivizing, as appropriate, non-carbon benefits.

6. JPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri perlu menetapkan perkara-perkara terhadap tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim dalam polisi, dasar, peraturan dan undang-undang berkaitan perhutanan terutama terhadap polisi dan dasar yang telah lama digubal dan tidak dikemaskini. Hal ini bagi memenuhi obligasi terhadap Perjanjian Paris dan pelaporan-pelaporan yang akan dikemukakan kepada UNFCCC.
FDPM and the State Forestry Department need to address climate change mitigation and adaptation actions in forestry related policies, regulations, and laws, specifically focusing on outdated policies. This is to fulfill obligations under the Paris Agreement and for reports to be submitted to the UNFCCC.

7. Antara pelaporan yang melibatkan sektor perhutanan dalam perkara ini adalah *Biennial Transparency Report* (BTR), *National Inventory Report* (NIR) yang bermula pada tahun 2024.
The Biennial Transparency Report (BTR) and the National Inventory Report (NIR), which starts in 2024, involve the forestry sector in this matter.


8. JPSM juga akan bekerjasama dengan NRES dalam proses *Global Stock Take* (GST) dan komunikasi NDC terhadap *Long Term- Low Emission Development Strategies* (LT-LEDS).
FDPM will also collaborate with NRES on the Global Stock Take (GST) process and NDC communication on Long Term-Low Emission Development Strategies (LT-LEDS).



Delegasi Malaysia semasa COP28 Dubai, UAE
Malaysian delegation during COP28 Dubai, UAE

YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) sedang menyampaikan kenyataan negara pada sesi *High-Level Segment* COP28
YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Minister of Natural Resources,Environment and Climate Change (NRECC) delivering the country's statement at the COP28 High-Level Segment session





Tengku Hassanal Shah Ibrahim Alam Shah, Tengku Mahkota Pahang sedang menyampaikan ucapan khas di Malaysia Pavilion COP28

Tengku Hassanal Shah Ibrahim Alam Shah, Tengku Mahkota Pahang delivering a special speech at Malaysia Pavilion COP28

YB Menteri NRECC sedang menyampaikan ucapan pembukaan sesi *Protecting Our Nature and Biodiversity Treasures: Malaysia as a Superpower in Biodiversity* di Malaysia Pavilion COP28

YB Minister of NRECC delivering the opening speech during the Protecting Our Nature and Biodiversity Treasures: Malaysia as a Superpower in Biodiversity session at Malaysia Pavilion COP28





YBhg. Dato' Indera KPPSM bersama ahli panel dan moderator dalam sesi *Unlocking Nature-Based Solutions Towards Nature di Malaysia Pavilion COP28*

YBhg. Dato' Indera KPPSM with panelists and moderator in the Unlocking Nature-Based Solutions Towards Nature session at Malaysia Pavilion COP28

YBhg. Dato' Indera KPPSM bersama delegasi JPSM, MFF dan moderator sesi *Unlocking Nature-Based Solutions Towards Nature di Malaysia Pavilion COP28*

YBhg. Dato' Indera KPPSM with the FDPM and MFF delegation, and the moderator of the Unlocking Nature-Based Solutions Towards Nature session at Malaysia Pavilion COP28



JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) MENERIMA PENGIKTIRAFAN *ASEAN GREEN INITIATIVE* (AGI)

FORESTRY DEPARTMENT OF PENINSULAR MALAYSIA (FDPM) RECEIVED ASEAN GREEN INITIATIVE (AGI) RECOGNITION

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melalui inisiatif *Rehabilitation Programme through Tree Planting Activities under Central Forest Spine (CFS) Management and Development Project* telah berjaya mendapat pengiktirafan ASEAN *Green Initiative* (AGI). AGI merupakan program pengiktirafan untuk agensi kerajaan, komuniti, organisasi, dan individu di rantau ASEAN yang mempunyai inisiatif penanaman pokok khususnya bagi penanaman pokok asli sebagai inisiatif pemulihan ekosistem. Antara matlamat AGI ialah meningkatkan kesedaran awam tentang nilai biodiversiti dan perkhidmatan ekosistemnya, menggalakkan pelaburan awam dan swasta dalam biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem, mengiktiraf inisiatif yang menyokong dasar, strategi dan program serantau seterusnya menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan masyarakat ASEAN.

AGI telah dilancarkan pada 6 Ogos 2021 dan ianya adalah sebagai demonstrasi komitmen ASEAN terhadap pemuliharaan kekayaan biodiversiti di rantau ini yang menjadi sumber perkhidmatan ekosistem yang penting untuk kelangsungan hidup masyarakat. AGI menyasarkan penanaman sekurang-kurangnya 10 juta pokok asli di seluruh 10 Negara anggota ASEAN dalam tempoh 10 tahun bermula 2021 hingga 2030. Komitmen ini selaras dengan *United Nations Decade on Ecosystem Restoration* 2021-2030. Sekretariat AGI ialah ASEAN *Centre for Biodiversity* (ACB) yang ditubuhkan pada tahun 2005 oleh ASEAN *Member States* (AMS).

AGI telah menetapkan piawaian bagi pengiktirafan aktiviti pemulihan ekosistem terbaik yang bukan sahaja semata-mata sebagai aktiviti penghutanan semula tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan peningkatan kualiti kehidupan masyarakat. Untuk diiktiraf sebagai AGI, inisiatif penanaman pokok yang dicalonkan mesti memperoleh sekurang-kurangnya 60 peratus daripada jumlah skor setiap kriteria yang ditetapkan.

Tiga kategori pencalonan inisiatif penanaman pokok untuk diiktiraf sebagai sebahagian daripada AGI ialah inisiatif penanaman pokok berskala kecil (sehingga 100 pokok), penanaman berskala sederhana (101 hingga 5000 pokok) dan penanaman berskala besar (melebihi 5000 pokok). Dalam hubungan ini, inisiatif pemulihan habitat oleh JPSM melalui penanaman pokok yang dijalankan di bawah Projek Pengurusan dan Pembangunan *Central Forest Spine* (CFS) dicalonkan dan berjaya menerima pengiktirafan AGI dalam kategori penanaman pokok berskala besar.

The Forestry Department of Peninsular Malaysia (FDPM) through the "Rehabilitation Programme through Tree Planting Activities under Central Forest Spine (CFS) Management and Development Project" initiative has successfully gained the recognition of the ASEAN Green Initiative (AGI). AGI is a region-wide recognition programme for government agencies, communities, organizations, and individuals in the ASEAN region that have tree planting initiatives, especially for planting native trees as an ecosystem restoration initiative. The AGI targets are to raise awareness about biodiversity and its ecosystem services and values, promote public and private investment in biodiversity and its ecosystem services, recognize grassroot actions that support regional policies, strategies and programmemes and further contribute to the health and well-being of ASEAN citizens.

AGI was launched on 6th August 2021 and it is a demonstration of ASEAN's commitment to the conservation of biodiversity richness in this region which is a source of ecosystem services that are important for the survival of society. AGI goals to plant at least 10 million native trees in the 10 ASEAN Member States for a period of 10 years from 2021 to 2030. This commitment is in line with the United Nations Decade on Ecosystem Restoration 2021-2030. The AGI Secretariat is the ASEAN Center for Biodiversity (ACB) established in 2005 by ASEAN Member States (AMS).

AGI has set standards for the recognition of the best ecosystem restoration activities that are not only focus on reforestation activities but also contribute to the well-being of the people and improving the quality of life of the community. To be recognized as an AGI, a nominated tree planting initiative must garner at least 60 percent of the total score per criterion.

The three categories of tree planting initiative nominations to be recognized as part of the AGI are the categories of small-scale initiative (up to 100 trees planted), medium-scale initiative (101 up to 5,000 trees planted) and large-scale initiative (over 5000 trees planted). In this connection, the habitat restoration initiative by FDPM through tree planting carried out under the Central Forest Spine (CFS) Management and Development Project was nominated and successfully received AGI recognition in the large-scale tree planting category.

Lokasi aktiviti penanaman pokok di bawah program pemulihan habitat bagi tahun 2021-2022 di bawah Projek Pengurusan dan Pembangunan CFS yang dicalonkan oleh JPSM untuk mendapat pengiktirafan AGI ialah melibatkan empat (4) kawasan rangkaian ekologi CFS iaitu di K-SL1: HS Ulu Muda – HS Bukit Saiong – HS Pedu–HS Chebar, Kedah, C-PL1: HS Tanum *(Greater Taman Negara)* – HS Yu (Banjaran Utama) dan C-PL2: HS Ulu Jelai – HS Bukit Bujang – HS Hulu Lemoi, Pahang dan A-PL1: HS Temengor – HS Amanjaya – HS Belum di Perak.

The location of tree planting activities under habitat restoration programmeme for the year 2021-2022 under the CFS Management and Development Project nominated by FDPM to get AGI recognition involves four (4) areas of the CFS ecological lingkages which are in K-SL1: Ulu Muda FR – Bukit Saiong FR – Pedu FR – Chebar FR, Kedah, C-PL1: Tanum FR (Greater Taman Negara) – Yu FR (Main Range) and C-PL2: Ulu Jelai FR – Bukit Bujang FR – Hulu Lemoi FR, Pahang and A-PL1 : Temengor FR– Amanjaya FR – Belum FR in Perak.

Majlis Penerimaan Anugerah dan Pengiktirafan AGI yang julung kali diadakan pada 5 Jun 2023 di Jakarta, Indonesia. YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal) mewakili YBhg. Dato' Indera KPPSM telah menerima sijil dan plak pengiktirafan yang disampaikan oleh Dr. Theresa Mundita S. Lim, Pengarah Eksekutif, ASEAN *Centre for Biodiversity*. Bersempena dengan Majlis Pengiktirafan tersebut, sesi forum turut diadakan pada 5-6 Jun 2023 sebagai *platform* untuk perkongsian pengalaman dan pandangan para pakar dan penerima pengiktirafan mengenai usaha pemuliharaan hutan dan ekosistem dalam memperkukuhkan lagi pelbagai inisiatif di peringkat nasional dan juga program-program AGI. JPSM turut diberi penghormatan untuk menyampaikan sesi perkongsian inisiatif pemulihan habitat yang telah dijalankan. YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abd. Majid, Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan telah dilantik sebagai wakil teknikal JPSM ke majlis tersebut dan telah dijemput untuk menyampaikan pembentangan mengenai pengalaman JPSM dalam sesi forum tersebut.

The AGI Awards and Recognition Ceremony was held on 5th June 2023 in Jakarta, Indonesia. YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani, Deputy Director-General of Forestry (Operations and Technical) represented YBhg. Dato' Indera KPPSM has received a certificate and recognition plaque presented by Dr. Theresa Mundita S. Lim, Executive Director, ASEAN Center for Biodiversity. In conjunction with the Recognition Ceremony, a forum session was also held on 5th-6th June 2023 as a platform for sharing the experiences and views of experts and recipients of recognition regarding forest and ecosystem conservation efforts in further strengthening various initiatives at the national level as well as AGI programmes. FDPM was also honored to present a sharing session on habitat restoration initiatives that have been carried out. YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abd. Majid, Senior Director of the Forest Management Division was appointed as FDPM's technical representative to the event and was invited to deliver a presentation on FDPM's experience in the forum session.

Sebagai kesimpulan, melalui pengiktirafan yang diterima ini telah membuktikan bahawa program pemulihan habitat yang dijalankan oleh JPSM selama ini, telah berjaya menyokong inisiatif penghijauan di peringkat negara dan bersama-sama dengan negara luar terutamanya negara anggota ASEAN dalam berkongsi matlamat bersama untuk meningkatkan litupan pokok dan memulihkan ekosistem di rantau ini. Seterusnya melalui pengiktirafan ini juga, JPSM memperoleh peluang yang lebih luas dalam pelbagai aspek seperti pengembangan rangkaian kerjasama, prospek pembiayaan, peningkatan imej korporat, usaha ke arah pengurangan kesan alam sekitar, penglibatan dalam dialog dan program mengenai biodiversiti serantau, dan membuka potensi peningkatan kejayaan dalam usaha memelihara dan memulihara ekosistem.

In conclusion, through the recognition received, this has proven that the habitat restoration programme carried out by FDPM over the years, has successfully supported greening initiatives at the national level and together with foreign countries, especially ASEAN member countries in sharing the common goal of increasing tree cover and restoring ecosystems in the region. Further, through this recognition, FDPM obtains wider opportunities in various aspects such as the expansion of the collaboration network, financing prospects, corporate image enhancement, efforts towards the environmental impact reduction, involvement in dialogue and programmes on regional biodiversity, and opens up the potential for increased success in efforts to preserve and conserve the ecosystem.



YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal) dan YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abd. Majid, Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan bergambar bersama sijil dan plak pengiktifaran selepas Majlis Penerimaan Anugerah dan Pengiktirafan ASEAN Green Initiative (AGI) di Jakarta, Indonesia pada 5 Jun 2023.

YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani, Deputy Director-General of Forestry (Operations and Technical) and YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abd. Majid, Senior Director of Forest Management Division poses for a photo with certificates and recognition plaques after the ASEAN Green Initiative (AGI) Award and Recognition Ceremony in Jakarta, Indonesia on 5th June 2023.



YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abd. Majid, Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan menyampaikan pembentangan sebagai perkongsian JPSM dalam inisiatif pemulihan habitat melalui penanaman pokok yang dijalankan dalam sesi forum perkongsian yang dianjurkan bersempena Majlis Anugerah dan Pengiktirafan AGI di Jakarta, Indonesia.

YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abd. Majid, Senior Director of Forest Management Division delivered a presentation as FDPM's partnership in habitat restoration initiatives through tree planting conducted in a sharing forum session held in conjunction with the AGI Award and Recognition Ceremony in Jakarta, Indonesia.



YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal) bergambar bersama dengan sekretariat dan eksekutif ACB, ketua-ketua jabatan/agensi/organisasi dan individu daripada negara-negara anggota ASEAN yang turut mendapat pengiktirafan AGI.

YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani, Deputy Director-General of Forestry (Operations and Technical) poses for a group photo with the ACB secretariat and executives, heads of departments/agencies/organisations and individuals from ASEAN member countries who have also received AGI recognition.



YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal) mewakili YBhg. Dato' Indera KPPSM telah menerima sijil dan plak pengiktirafan AGI yang disampaikan oleh Dr. Theresa Mundita S. Lim, Pengarah Eksekutif, ASEAN Centre for Biodiversity (ACB).

YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani, Deputy Director-General of Forestry (Operations and Technical) represented YBhg. Dato' Indera KPPSM received the AGI certificate and plaque presented by Dr. Theresa Mundita S. Lim, Executive Director, ASEAN Centre for Biodiversity (ACB).



Gambar menunjukkan papan tanda pengiktirafan AGI yang telah dipasangkan di kawasan tapak pemulihan habitat iaitu di rangkaian ekologi CFS C-PL1, Pahang. Papan tanda pengiktirafan AGI ini juga telah dipasangkan di rangkaian ekologi CFS C-PL2, Pahang dan K-SL1, Kedah

The picture shows the AGI recognition signboard that has been installed at the habitat restoration site at the CFS C-PL1 ecological network, Pahang. The AGI recognition signboard has also been installed at the CFS C-PL2 ecological network, Pahang and K-SL1, Kedah

MEMACU PELAKSANAAN *CENTRAL FOREST SPINE* MELALUI PROJEK IC-CFS: PENCAPAIAN DAN KECEMERLANGAN SEDEKAD

ACCELERATING THE IMPLEMENTATION CENTRAL FOREST SPINE THROUGH THE IC-CFS PROJECT: A DECADE'S ACHIEVEMENTS AND SUCCESS

LATAR BELAKANG PROJEK IC-CFS

Projek *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape* (IC-CFS) merupakan sebuah projek dengan dana sebanyak USD 10.86 juta daripada *Global Environment Facility* (GEF) dan disokong oleh *United Nations Development Programme (UNDP)*. Fokus projek ini adalah untuk menyambung kembali kawasan hutan yang semakin terpisah di bawah inisiatif *Central Forest Spine* (CFS) di Semenanjung Malaysia. Landskap CFS amat penting nilainya bagi pelbagai spesies, termasuk populasi harimau Malaya *(Panthera tigris jacksoni)* yang semakin pupus.

Pelaksana utama Projek IC-CFS ini adalah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), bersama dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Di peringkat negeri pula, projek ini turut disokong oleh Unit/Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri dan Jabatan PERHILITAN Negeri.

Dengan memfokuskan pemuliharaan biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem di tiga landskap hutan utama iaitu di negeri Pahang, Perak dan Johor, Projek IC-CFS bertujuan untuk meningkatkan kapasiti agensi dan jabatan di peringkat persekutuan dan negeri untuk melaksanakan Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) melalui pengukuhan struktur institusi dan operasi, pelaksanaan projek perintis pelan pengurusan landskap hutan lestari dalam habitat utama harimau, serta pembiayaan secara mampan dengan mempelbagaikan sumber pembiayaan untuk pemuliharaan.

IC-CFS PROJECT BACKGROUND

The Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS) project is a USD 10.86 million UNDP-supported, GEF-funded initiative designed to address the growing fragmentation of Peninsular Malaysia's Central Forest Spine (CFS) landscape, valued for its multitude of species, including the only remaining and almost extinct population of Malayan tigers (Panthera tigris jacksoni).

The project's implementation was led by the Forestry Department of Peninsular Malaysia (FDPM), together with the Department of Wildlife and National Parks (DWNP) and Forestry Research Institute Malaysia (FRIM). At the state level, the project is also supported by the State Economic Planning Units/ Departments, State Forestry Departments and State Wildlife Departments.

With a focus on conserving biodiversity and ecosystem services in three key forest landscapes in Pahang, Perak and Johor states, the project is aimed to increase federal and state level capacity to implement the Central Forest Spine Master Plan (Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS, PIRECFS) through the strengthening of institutional and operational structures and the piloting of sustainable forest landscape management plans in three tiger-priority landscapes, financed sustainably through the diversification of funding sources for conservation.

KOMPONEN DAN TERAS / *COMPONENTS AND PILLARS*

Penyampaian projek ini tertumpu kepada tiga komponen utama dan lima teras. Ini adalah elemen panduan untuk pelaksanaan projek. Tiga komponen utama ialah:

The project's delivery was centred on three main components and five pillars. These are the guiding elements for the project implementation. The three main components are:

1	Perancangan, pemantauan pematuhan dan rangka kerja penguatkuasaan untuk pengurusan landskap hutan bersepadu. *Planning, compliance monitoring and enforcement framework for integrated forest landscape management*
2	Pengurusan landskap hutan mampan bagi tiga landskap hutan keutamaan dalam CFS. *Sustainable forest landscape management of three priority forest landscapes within the CFS*
3	Kepelbagaian sumber pembiayaan untuk pemuliharaan. *Diversification of financing sources for conservation.*

Di bawah setiap komponen, penyampaian aktiviti dan program adalah berdasarkan lima teras yang dikenal pasti.

Under each component, the delivery of activities and programme are based on the five identified pillars.



1	**Pengurusan Hutan** ***Forest Management***	Pelaksanaan penggunaan tanah yang mampan dan pengurusan hutan yang menyokong dan memelihara kepelbagaian biologi dan perkhidmatan ekosistemnya. *Implementation of sustainable land use and forest management that support and preserve its biodiversity and ecosystem services.*
2	**Penguatkuasaan** ***Enforcement***	Memperkasakan pegawai tempatan dalam memantau, mengumpul risikan dan mengurangkan jenayah hidupan liar. *Empowerment of local officials in monitoring, intelligence gathering and reducing wildlife crimes.*
3	**Pembinaan Kapasiti** ***Capacity Building***	Pembinaan kapasiti untuk integrasi institusi CFS yang berkesan di peringkat negeri dan daerah. *Capacity building for effective institutional integration of the CFS at the state and district levels.*
4	**Kewangan** ***Finance***	Kepelbagaian sumber untuk pembiayaan mampan bagi pemuliharaan CFS. *Diversification of resources for sustainable fundings of the CFS conservation.*
5	**Komuniti** ***Community***	Meningkatkan taraf hidup masyarakat dan memperkenalkan penduduk dengan pendapatan alternatif. *Uplifting community livelihoods and introducing residents with alternative incomes.*

PENCAPAIAN

Walaupun terdapat beberapa cabaran pelaksanaan pada tahun-tahun sebelumnya yang menyebabkan projek ini diberhentikan sementara di antara tahun 2017 dan 2019, projek IC-CFS telah dimulakan semula pada tahun 2020 dan seterusnya menyaksikan pelaksanaan kebanyakan aktiviti dalam tempoh tiga tahun terakhir jangka hayatnya.

ACHIEVEMENTS

Despite some implementation challenges in the earlier years which led to a hiatus between 2017 and 2019, the project was restarted later in 2020 and subsequently saw the implementation of most activities in its last three years of lifespan.

Projek IC-CFS berjaya melaksanakan semua aktiviti yang telah dirancang, sekali gus mencapai sasaran yang termaktub dalam Rangka Hasil Strategik *(Strategic Results Framework, SRF)* yang memberikan sumbangan yang besar kepada matlamat projek. Melalui pelaksanaan di ketiga-tiga negeri yang terlibat, projek IC-CFS telah menunjukkan pencapaian yang bermakna. Di antaranya adalah:

The IC-CFS project successfully implemented all project activities, achieving Strategic Results Framework (SRF) indicator targets making a substantial contribution to the project goal. Within the three project states, the IC-CFS project has demonstrated significant achievements. Some of these achievements are:

- Peningkatan kapasiti penguatkuasaan melalui pelaksanaan Rondaan SMART, Pemerkasaan Pegawai Perhutanan dan Taman Negeri untuk melaksanakan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan pembangunan piawaian operasi Taman Negeri yang berkaitan dengan penguatkuasaan, penangkapan dan pendakwaan pesalah. Tambahan pula, model data yang telah ditambah baik untuk Rondaan SMART membolehkannya digunakan untuk penguatkuasaan dan pemantauan operasi penuaian hutan. Ini juga boleh digunakan untuk semua negeri.
  Enhancement of enforcement capacity through the implementation of SMART Patrolling, Empowerment of Forestry and State Parks Officers to implement the Wildlife Conservation Act 2010 and development of standards of Operations for State Parks on enforcement, capture, and prosecution of offenders. Furthermore, the revised data model for SMART Patrolling enables it to be used for enforcement and monitoring of forest harvesting operations. This will also be applied to all states.

- Peningkatan Integriti Landskap CFS melalui semakan dan kemas kini Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2022 serta integriti rangkaian ekologi terpilih di Pahang, Perak dan Johor melalui pewartaan Hutan Tanah Negeri kepada Hutan Simpan Kekal. Pengenalpastian lanjut kawasan berpotensi yang sesuai untuk diwartakan selanjutnya.
  Enhancement of the Integrity of CFS Landscape through the review and update of the CFS Master Plan 2022 as well as the integrity of the selected Ecological Corridors in Pahang, Perak and Johor through the gazettement of State Land Forest to Permanent Reserved Forest. Further identification of suitable potential areas for further gazettement.

- Menambah baik pemuliharaan hutan dan biodiversiti dalam Rangkaian Ekologi terpilih melalui pembangunan dan Pelaksanaan Pelan Pengurusan Rangkaian Ekologi.
  Improving the forest and biodiversity conservation within selected Ecological Corridors through the development and Implementation of Ecological Corridor Management Plan.

- Merealisasikan peluang pembiayaan mampan untuk meningkatkan pemuliharaan hutan dan melindungi biodiversiti melalui penggubalan pelan kewangan mampan peringkat negeri. Pelan telah dibangunkan untuk negeri Pahang manakala kajian skop dibangunkan untuk negeri Perak di bawah projek.
  Realising sustainable financing opportunities to improve forest conservation and protect biodiversity of the State through the formulation of state level sustainable finance plan. A plan was developed for Pahang State while a scoping study was developed for Perak State under the Project.

- Meningkatkan pemahaman agensi peringkat persekutuan dan negeri terhadap PIRECFS melalui Program Latihan *Standard*. Modul latihan telah dibangunkan dan diterbitkan dan latihan bagi tenaga pelatih telah dilaksanakan.
  Enhancing the understanding of Federal and State agencies on the PIRECFS through Standard Training Programmes. Training modules have been developed and published and training of trainers have been undertaken.

- Meningkatkan kapasiti untuk memantau integriti hutan dan biodiversiti melalui pembangunan protokol untuk menilai biodiversiti, stok karbon dan perkhidmatan ekosistem.
  Enhancing capacity to monitor forest integrity and biodiversity through the development of Protocols for assessing biodiversity, carbon stocks and ecosystems services.

- Menjalankan projek perintis Protokol Biodiversiti pada skala operasi untuk membolehkan ianya disesuaikan untuk pelaksanaan oleh JPSM.
  Piloting the Biodiversity Protocol at operational scale to enable it to be adapted for implementation by FDPM.

- Menganalisa kos pelaksanaan PIRECFS oleh agensi yang berkaitan serta mengenal pasti dan mencari sumber pembiayaan yang berpotensi untuk menyokong pelaksanaannya.
  Analysing the costs of implementing the PIRECFS by respective agencies and identifying and seeking potential sources of funding to support its implementation.

PENGIKTIRAFAN

4	**Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor** Jalan RP 4/1, Kompleks Kerajaan, Rawang Perdana, 48000 Rawang	03-6091 6131	03-6091 7533
5	**Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang** Tingkat 2, Bangunan Pejabat-pejabat Kerajaan, 41000 Klang	03-3371 6326	03-3371 4496
	TERENGGANU		
1	**Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu** Tingkat 8, Wisma Negeri, 20200 Kuala Terengganu	09-622 2444 sambungan 4123	09-623 6552
2	**Pejabat Hutan Daerah Terengganu Utara** Batu 6, Jalan Kuala Terengganu, 21200 Kuala Terengganu	09-666 7473 09-667 2834	09-666 7061
3	**Pejabat Hutan Daerah Terengganu Selatan** 23000 Dungun	09- 848 1404	09-848 3199
4	**Pejabat Hutan Daerah Terengganu Barat** Batu 21 Jalan Besar Ajil - Kuala Berang, 21800 Ajil,	09- 681 1259	09-681 2767
	WILAYAH PERSEKUTUAN (KUALA LUMPUR)		
1	Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan Lot 240, Bukit Nenas, Jalan Raja Chulan, 50250 Kuala Lumpur	03-2020 1606	03-2070 6342
	SABAH		
1	**Jabatan Perhutanan Sabah** Batu 6, Jalan Labuk, 90000 Sandakan, Sabah *www.forest.sabah.gov.my*	089-24 2500	089-67 1303
	SARAWAK		
1	**Ibu Pejabat Jabatan Hutan Sarawak** Level 15, Left Wing Bangunan Baitul Makmur II, Medan Raya, Petra Jaya, 93050 Kuching *www.forestry.sarawak.gov.my*	082-44 2180 082-31 9102	082-44 1210
2	**Sarawak Timber Industry Development Corporation (STIDC)** Bangunan Wisma Sumber Alam, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching www.sarawaktimber.gov.my	082-47 3000	082-44 2691
3	**Sarawak Forestry Corporation Sdn. Bhd.** Lot 218, KCLD, Jalan Tapang, Kota Sentosa, 93250, Kuching *www.sarawakforestry.com*	082-34 8001	082-48 8654

	Nama Pejabat dan Alamat *Name and Office Address*	No. Tel. *Tel. No.*	No. Faks. *Fax. No.*
C.	**AGENSI-AGENSI LAIN YANG BERKAITAN** ***OTHER RELATED AGENCIES***		
1	**Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)** Block F11, Kompleks F Lebuh Perdana Timur, Presint 1 62000 Putrajaya, Malaysia	03-8091 7000	03-8890 4021
2	**Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)** 52109 Kepong, Selangor *www.frim.gov.my*	03-6279 7000	03-6273 1314
3	**Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN),** KM 10, Jalan Cheras, 56100 Kuala Lumpur *www.wildlife.gov.my*	03-9086 6800	03-9075 2873
4	**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)** Aras 4, Podium 1, Wisma Sumber Asli, No 25, Persiaran Perdana, Presint 4, 62574 Putrajaya www.jkptg.gov.my	603 8000 8000	603 8889 3855
5	**Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)** Wisma JUPEM, Jalan Sultan Yahya Petra, 50578 Kuala Lumpur *www.jupem.gov.my*	03-2617 0800	03-2691 7457
6	**Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)** Behrang, 35950 Tanjung Malim, Perak *www.instun.gov.my*	05-454 2825	05-454 2837
7	**Lembaga Jurukur Tanah Malaysia** Level 5-7,Wisma LJT Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati 53100 Kuala Lumpur *www.ljt.org.my*	03-4108 5191	03-4108 5178
8	**Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** Aras 9, Menara PjH No. 2 Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya *www.jmg.gov.my*	03-8871 6000	03-8871 6145/46
9	**Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah** Tingkat 8, Blok Barat Wisma Golden Eagle Realty 142-C, Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur *www.lpt.gov.my*	03 2161 6171	03 2161 6179
10	**Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah** Galeria PjH, Aras 9, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya *www.seda.gov.my*	03-88705800	03-88705900
11	**Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)** Tingkat 13-17, Menara PGRM, No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras, 56100 Kuala Lumpur *www.mtib.gov.my*	03-9282 2235	03-9200 3769
12	**Majlis Kayu Kayan Malaysia (MTC)** Tingkat 21, Menara PGRM, No.8, Jalan Pudu Ulu, Cheras, 55100, Kuala Lumpur *www.mtc.com.my*	03-9281 1999	03-9282 8999
13	**Majlis Pensijilan Kayu Kayan Malaysia (MTCC)** C-08-05, Blok C, Megan Avenue II, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450, Kuala Lumpur *www.mtcc.com.my*	03-2161 2298	03-2161 2293

	Nama Pejabat dan Alamat *Name and Office Address*	No. Tel. *Tel. No.*	No. Faks. *Fax. No.*
14	**Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS)** Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor *www.water.com.my*	03-8862 9200	
15	**Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)** Lot 5377, Jalan Putra Permai 43300 Sri Kembangan, Selangor *www.nahrim.gov.my*	03-8947 6400	03-8948 3044
16	**Jabatan Biokeselamatan (JBK)** Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Aras 4, Blok F11, Kompleks F, Lebuh Perdana Timur, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya *www.biosafety.gov.my*	03 80917 318	03 80917 371
17	**Jabatan Alam Sekitar (JAS)** Aras 1-4, Podium 2&3, Wisma Sumber Asli, No 25, Persiaran Perdana, Presint 4, 62574 Putrajaya *www.doe.gov.my*	03-8871 2000 / 2200	03-8889 1973 / 75
18	**Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)** Jalan Sultan 46667, Petaling Jaya *www.met.gov.my*	03-7967 8000	03-7955 0964
19	**Lembaga Ahli Geologi** Aras 8, Menara PjH, No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya *www.bog.gov.my*	03 - 8861 8436	
20	**Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan** Aras G, Wisma Sumber Asli, No 25, Persiaran Perdana, Presint 4, 62574 Putrajaya *www.ypasm.my*	03-8886 1257	



LIPUTAN AKHBAR 2023

NEWSPAPER COVERAGE

Nepenthes albomarginata

Liputan Akhbar
Newspaper Coverage

Dua ditahan lindungi kegiatan curi balak

Suspek termasuk penjawat awam diberkas SPRM kerana disyaki terima habuan

Oleh NIK AMIRULMUMIN NIK MIN
KUANTAN

Seorang penjawat awam dan seorang pesara sebuah agensi kerajaan ditahan kerana disyaki menerima rasuah bagi melindungi kegiatan mencuri balak di kawasan hutan simpan di sekitar daerah Kuala Lipis.

Menurut sumber, penjawat awam dan pesara kerajaan itu yang masing-masing berusia 40 dan 61 tahun ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menerima rasuah antara RM500 hingga RM2,000 daripada pemilik sebuah syarikat antara November 2019 hingga 2020.


HAIRUZAM

Sumber itu memberitahu, suspek pertama yang juga penjawat awam ditahan di pejabat SPRM Cawangan Raub ketika hadir memberikan keterangan kira-kira jam 2.30 petang pada Khamis.

"Seorang lagi suspek ditahan kira-kira jam 7 malam pada Rabu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, dalam kes berasingan, SPRM Pahang menahan seorang lagi penjawat awam dipercayai menerima rasuah kira-kira RM1,500 sebanyak dua kali daripada seorang individu sebagai balasan untuk melepaskan barang-barang disita oleh sebuah jabatan kerajaan yang terbabit dengan aktiviti perhutanan.

Sumber berkata, suspek seorang lelaki berusia dalam lingkungan 40-an itu dipercayai menerima wang rasuah pada Disember 2018.

"Suspek ditahan di pejabat SPRM Cawangan Raub kira-kira jam 7 malam pada Rabu ketika hadir memberikan keterangan," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pahang, Hairuzam Mohmad Amin@Hamim ketika dihubungi mengesahkan berhubung tangkapan itu.

Menurut beliau, kes berkenaan akan disiasat di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Sinar Harian
7 Januari 2023

Sinar Harian
8 Januari 2023

Jabatan Perhutanan jalin kerjasama dengan agensi lain tangani kejadian curi balak

KUALA LUMPUR - Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan penahanan dua individu yang dipercayai menerima rasuah bagi melindungi kegiatan mencuri kayu balak dari kawasan hutan simpan sekitar Kuala Lipis, Pahang.


MOHD RIDZA

Ketua Pengarah JPSM, Datuk Mohd Ridza Awang berkata, siasatan dan penahanan dua individu itu dijalankan oleh pihak SPRM.

"Kami (JPSM) akan menunggu hasil siasatan sama ada terdapat pendakwaan atau tidak.

"Jabatan akan bantu jika pihak SPRM perlukan maklumat lanjut bagi melengkapkan siasatan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Ridza berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan SPRM bagi menangani jenayah tersebut daripada berterusan.

Katanya, kerjasama itu juga termasuklah dengan agensi penguat kuasa yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan lain-lain lagi.

Pada Khamis, SPRM Pahang menahan seorang penjawat awam dan pesara kerajaan yang dipercayai menerima 'habuan' bagi melindungi kegiatan mencuri kayu balak dari kawasan hutan simpan sekitar Kuala Lipis.

Kedua-dua suspek lelaki itu dipercayai menerima rasuah antara RM500 hingga RM2,000 daripada pemilik syarikat dari November 2019 hingga 2020.

Sumber memaklumkan suspek pertama yang berusia 40 tahun ditahan di pejabat SPRM Cawangan Raub ketika hadir memberi keterangan jam 2.30 petang, Khamis manakala suspek kedua, 61, ditahan 7 malam, Rabu.


Dua ditahan lindungi kegiatan curi balak

Kepatan akhbar Sinar Harian pada Sabtu


UTUSAN MALAYSIA SELASA • 10 JANUARI 2023 | 23
PENDIDIKAN • Gaya

Pelajar tanam 501 pokok bakau

Oleh SAMSUDIN OLI MOHAMED
pyautusan@mediamulia.com.my

ATAS dasar membantu komuniti menerusakan pemuliharaan dan menjamin kelestarian bakau di masa akan datang, sebanyak 501 pokok bakau di tanam di kawasan Yan, Kedah.

Program Pemuliharaan dan Kelestarian Bakau itu dianjurkan Kelas Pentadbiran Alam Sekitar dengan kerjasama Pusat Pengajian Kerajaan (SOG) Universiti Utara Malaysia (UUM). Ia membabitkan penyertaan 106 peserta terdiri dari mahasiswa, pelajar dan kakitangan.

Dekan SOG, Prof. Madya Dr. Halimah Abdul Manaf berkata, projek *Service Learning* (SULAM) itu merupakan program khidmat masyarakat yang melibatkan pensyarah, mahasiswa dan pelajar Sekolah kebangsaan Sungai Limau, Sekolah Menengah Kebangsaan Dulang, Jabatan Perhutanan Kedah dan Pejabat Daerah Yan.

"Program bertimpak tinggi ini dijalankan bagi membantu komuniti di sekitar daerah ini menerusakan pemuliharaan dan menjamin kelestarian bakau pada masa akan datang," katanya.

Antara objektifnya ialah bagi mengekalkan kelestarian bakau, memberi kesedaran kepada penduduk tentang kepentingan bakau, membuka ruang kerjasama antara pusat pengajian dengan komuniti, jabatan kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

"Penyertaan dan penglibatan semua pihak dalam program ini dilihat menunjukkan jalinan hubungan yang baik dengan universiti terutama dalam aspek pelaksanaan aktiviti," katanya.

Pelaksanaan aktiviti seperti ini dapat mengembangkan dan memperkukuhkan pengajian dan pengkajian bidang pengurusan awam dan pembangunan yang dikendalikan oleh SOG UUM.

Halimah berharap 106 peserta lain turut mendengar taklimat dan menanam pokok bakau di sekitar kawasan itu.

PROGRAM berimpak tinggi ini dijalankan bagi membantu komuniti di sekitar daerah Yan.

Penyebar Fikiran Rakyat Utusan MALAYSIA
10 Januari 2023

Harian Metro
15 Januari 2023

Sasar tanam 20 juta pokok tahun ini

Bangi: Sebanyak 51.2 juta pokok merangkumi lebih 1,000 spesies ditanam di seluruh negara setakat 13 Januari lalu melalui

Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 sejak dilancarkan 5 Januari 2021.

Kempen berkenaan bertemakan Penghijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita.

Timbalan Menteri Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Datuk Seri Huang Tiong Sii berkata, sepanjang tahun lalu, kempen itu sudah berjaya melepasi sasaran.

Tahun ini, sasaran penanamannya membabitkan 20 juta pokok.

Beliau berkata, pencapaian kempen itu boleh diperoleh melalui aplikasi Penghijauan Malaysia dan di www.100jutapokok.gov.my.

"Tanggungjawab memelihara dan memulihara flora dan fauna adalah tanggungjawab kita bersama dan bukan hanya terletak di bahu kerajaan sahaja.

"Oleh itu, syarikat korporat harus menyedari bahawa mereka perlu bertindak melebihi tanggungjawab perniagaan dan menjadikan usaha menjaga alam sekitar secara khususnya sebagai usaha progresif bersama.

"Sebagai contoh, inisiatif Kumpulan *Touch 'n Go* (TNG) menyediakan platform kepada orang ramai untuk turut serta dalam usaha penanaman pokok. Orang ramai boleh memberi sumbangan secara terus menerusi aplikasi *Touch 'n Go eWallet* untuk menyokong kempen ini," katanya pada perasmian kempen itu di Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi di sini, semalam.

Kempen dianjurkan TNG, Yayasan Hijau Malaysia (YHM) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ).

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif TNG Digital Sdn Bhd, Alan Ni, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Mohd Ridza Awang, Yang Dipertua MPKJ, Najmuddin Jemain dan Ketua Pegawai Eksekutif YHM, Amin Abdullah.



TIONG Sii (tiga dari kiri) menyiram pokok sebagai simbolik perasmian di Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi, semalam. - Gambar NSTP/FATHIL ASRI

Sinar Harian
16 Januari 2023

JPNS komited tambah keluasan hutan simpanan kekal

Kuala Pilah: Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNS) komited menambah jumlah keluasan hutan simpanan kekal (HSK) di negeri itu sebanyak 500 hektar lagi bagi memelihara dan memulihara mutu alam sekitar, sekali gus meningkatkan ekopelancongan negeri.

Pengarahnya Saleh Awaluddin berkata, jumlah keseluruhan HSK ketika ini adalah seluas 155,000 hektar atau 23 peratus daripada keseluruhan negeri dan daripada 155,000 hektar itu, 60 peratus ialah hutan pengeluaran kayu dan 40 peratus hutan perlindungan termasuk tadahan air, hidupan liar dan penyelidikan.

"Ini antara usaha yang kita kena ambil, jaga kawasan hutan sedia ada dan bagaimana untuk memastikan ia kekal selain berusaha tambah kawasan tambah kawasan berkenaan, walaupun sedikit tetapi itu yang terbaik. Begitu juga dengan hutan paya bakau yang dilihat semakin berkurang kini.

"Kita sudah kenal pasti kawasan yang terlibat antaranya kawasan tadahan air dan sekitar empangan cuma kini dalam proses mewartakan kawasan berkenaan. Ia bukan satu perkara yang mudah dan mengambil sedikit masa," katanya kepada pemberita selepas program pembukaan semula Taman Eko Rimba dan trek pendakian HSK, di sini, semalam.



SALEH (dua dari kanan) bersama pengunjung yang datang ke Taman Ular Ulu Bendul selepas dibuka semula kepada pengunjung, semalam. - Gambar NSTP/MOHD AMIN JALIL

"Ini antara usaha yang kita kena ambil, jaga kawasan hutan sedia ada dan bagaimana untuk memastikan ia kekal selain berusaha tambah kawasan berkenaan"

Saleh Awaluddin

Beliau berkata, Taman Eko Rimba dan trek pendakian di negeri ini telah mula dibuka semula kepada orang ramai berkuat kuasa kelmarin termasuk Ulu Bendul, Batu Maloi, Jeram Tengkek, Gunung Datuk, Gunung Angsi dan Gunung Tampin.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerja baik pulih kemudahan di Taman Eko Rimba Jeram Toi, Jelebu, dekat sini, yang musnah dalam kejadian banjir besar pada Disember 2021 dijangka mula dilaksanakan pada Mac dan siap pada November ini menerusi peruntukan RM1 juta daripada kerajaan negeri.

"Namun ia hanya dibuka pada tahun depan, sebab nak pastikan betul-betul selamat. Kita tidak mahu dalam keghairahan industri pelancongan di negeri dengan orang ramai mula memenuhi kolasi tertentu, kita terlupa aspek keselamatan dan bahaya yang mungkin akan dihadapi," katanya.

Hampir keseluruhan kawasan jeram Toi termasuk kemudahan seperti pejabat, surau dan tandas musnah dalam kejadian banjir, malah struktur Sungai Toi turut berubah apabila dilihat semakin melebar dan airnya tidak lagi jernih.

Sementara itu, Saleh berkata, JPNS menyasarkan hasil kutipan keseluruhan termasuk melalui permit memasuki HSK dan sewaan berjumlah RM10 juta pada tahun ini berbanding RM8 juta yang diraih pada tahun lalu.

BH BeritaHarian
10 Februari 2023

JPNP kongsi kepakaran TechnoLog atasi ketirisan hasil balak

Rompin: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) bersedia berkongsi kepakaran TechnoLog, sistem pengeluaran hasil balak yang dibangunkan jabatan itu dengan negeri lain dalam usaha menangani isu ketirisan, sekali gus meningkatkan hasil negeri.

TechnoLog adalah sistem data yang menyimpan maklumat lengkap setiap tual balak yang dikeluarkan dari hutan simpan dan dipindahkan melalui balai pemeriksaan hutan.

Selain menyenaraikan nama spesies pokok, sistem yang mula digunakan JPNP pada 2018 turut merekodkan lokasi hutan simpan, lesen dan nombor pendaftaran pokok.

Pengarah JPNP, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin, berkata pihaknya sedia berkongsi kepakaran menguruskan pengeluaran balak kawasan lesen menggunakan sistem TechnoLog yang dianggap amat berjaya.

Menurutnya, dengan menggunakan sistem berkenaan ia dapat mengurangkan ketirisan di semua peringkat, malah ia juga lebih mudah dan cepat seterusnya mampu menambahkan hasil negeri.

Katanya, pada peringkat awal penggunaan sistem TechnoLog, ia mungkin menimbulkan sedikit masalah, namun dalam tempuh beberapa bulan kakitangan akan menjadi mahir.

"Semua jabatan perhutanan negeri perlu menggunakan sistem TechnoLog yang kita bangunkan, menerusinya peningkatan pendapatan negeri akan dapat dilihat.

"Kita sedia menghantar pegawai untuk mengajar cara menggunakan sistem berkenaan, namun persediaan lebih awal diperlukan," katanya.

Beliau berkata demikian ditemui pada pertandingan sukan persahabatan antara JPNP dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) di sini.

Yang turut hadir, Pengarah JPNPk, Datuk Mohamed Zin Yusop.

Lebih 250 peserta bersaing dalam pertandingan membabitkan lapan acara dengan JPNP dinobatkan sebagai juara keseluruhan.



Mohd Hizamri (tengah) bertukar cenderamata dengan Mohamed Zin pada pertandingan sukan persahabatan antara JPNP dengan JPNPk di Rompin, semalam. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Sinar Harian

15 Februari 2023

5.9 juta balak ditanam dalam dua tahun

KUANTAN - Lebih 5.9 juta pokok balak berkualiti tinggi ditanam Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dalam tempoh dua tahun bermula 2021.

Penolong Pengarah Silvikultur (Zon Pahang Timur I) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Nurfazliza Kamarulbahrin berkata, penanaman itu dibuat dalam usaha memulihkan semula kawasan hutan.

Menurutnya, antara spesies pokok balak berkualiti tinggi yang ditanam ialah merbau, meranti, keruing dan balau. Turut ditanam keladan, perah, merawan, kelat serta beberapa spesies lain.

"Projek penanaman ini dilakukan di bekas kawasan hutan simpan yang pernah diceroboh termasuk di kawasan pusat simpanan sementara balak atau matau.

"Selain hutan, penanaman pokok turut dilakukan di kawasan pesisir pantai, paya gambut dan paya bakau bagi menghalang hakisan. Penanaman itu melibatkan kawasan pesisir pantai di daerah ini, Pekan dan Rompin,

"Pokok yang ditanam di sekitar tiga daerah itu seperti ru laut, ketapang, bintangor laut, kelat dan jambu laut. Sementara pokok bakau di kawasan paya bakau," katanya pada Selasa.

Sebelum itu, sebanyak 1,000 pokok ru pantai ditanam sempena Hari Radio Sedunia peringkat kebangsaan di Kampung Kempadang, di sini pada Isnin.



Nurfazliza (dua dari kiri) menanam pokok ru pantai bersama kanak-kanak di Kambung Kempadang, Kuantan pada Isnin.

Nurfazliza memberitahu, bagi menampung keperluan benih pokok balak berkualiti tinggi, JPNP telah memperkenalkan program *buy back guarantee*.

Jelasnya, program itu melibatkan penyertaan lebih 25 masyarakat Orang Asli di Tasik Chini dan Cameron Highlands.

"Kita memberi latihan kepada peserta termasuk menyediakan pelbagai kelengkapan di tapak semaian. Mereka hanya perlu mencari benih pokok merbau dan beberapa spesies lain untuk disemai.

"Anak pokok yang mencapai umur antara empat hingga enam bulan akan dibeli oleh JPNP untuk ditanam di kawasan terpilih.

"Program pertama di Tasik Chini telah mencapai kejayaan yang begitu membanggakan, Susulan itu diperkenalkan pula di Cameron Highlands yang mula menyemai benih pokok balak bulan lalu," katanya yang akan terus berusaha meningkatkan ekonomi Orang Asli.

Bukit Dinding dan Bukit TM Wangsa Maju dipertimbang sebagai HSK

PUTRAJAYA - Bukit Dinding dan Bukit TM Wangsa Maju di Kuala Lumpur adalah antara lokasi dicadangkan dijadikan kawasan hutan simpan kekal (HSK) di Wilayah Persekutuan, kata Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad.



NIK NAZMI

Beliau berkata, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) menerusi Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan sedang mengenal pasti beberapa lokasi yang sesuai di Kuala Lumpur dan Labuan untuk meningkatkan HSK di Wilayah Persekutuan.

Bercakap kepada media selepas melancarkan maskot RoboST dan komik Adiwira ST yang diperkenalkan Suruhanjaya Tenaga (ST) di sini pada Isnin, beliau berkata, walaupun kawasan ibu negara mempunyai *limitation* dari segi saiz namun masih terdapat usaha untuk meningkatkan HSK di Wilayah Persekutuan.

"Bukit Dinding dan Bukit TM Wangsa Maju antara calon-calon tempat untuk dijadikan kawasan HSK," katanya mengulas cadangan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar agar hutan di sekitar Kuala Lumpur diwartakan sebagai kawasan hijau antaranya Bukit Dinding, Bukit TM Wangsa Maju, Bukit Kiara dan Bukit Pudu Ulu.

Katanya, Bukit Dinding yang sebahagian adalah tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur contohnya akan dicadang sebagai kawasan rekreasi atau hijau. - *Bernama*

Sinar Harian

9 Mei 2023

BULETIN

26 Julai 2023

NASIONAL

Hutan Paya Bakau Kina Benuwa diwarta sebagai Hutan Simpan Kina Benuwa

26 Julai 2023, 12:05pm



Foto hiasan

Oleh: Wan Zairul Azri Wan Mohammad Sudin

PUTRAJAYA: Kerajaan berjaya mewartakan seluas 68.281 hektar kawasan Hutan Paya Bakau Kina Benuwa di Labuan sebagai hutan simpanan kekal (HSK) dinamakan sebagai Hutan Simpan Kina Benuwa.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, HSK itu diwartakan pada 11 Julai lalu dan yang pertama diwartakan di Wilayah Persekutuan Labuan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).

"Ini merupakan HSK pertama di Wilayah Persekutuan daripada jenis hutan paya laut. Ini menjadikan kawasan HSK di Wilayah Persekutuan meningkat daripada 84.62 hektar kepada 152.901 hektar," katanya dalam satu kenyataan hari ini sempena Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Tahun 2023.

MBSB Bank anjur Program Pemulihan Bakau Ekologi

PETALING JAYA: MBSB Bank Berhad (MBSB Bank) giat memperjuangkan pemulihan bakau dengan menganjurkan Program Penanaman Pokok Bakau sebagai antara inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) utamanya.

Program tersebut merupakan salah satu program CSR bank yang paling konsisten dijalankan dengan tujuan untuk menangani perubahan iklim dan menyumbang kepada perjalanan pelepasan sifar syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutif MBSB Bank, Datuk Nor Azam M. Taib berkata, pihaknya telah secara konsisten menyokong projek pemulihan bakau di pelbagai wilayah di negara sejak 2021.

Ujarnya, pokok-pokok itu akan menyerap sehingga berjuta-juta kilogram karbon dioksida dalam seumur hidup mereka dan digabungkan dengan dataran lumpur dan tanah di sekelilling, jumlah karbon yang disimpan boleh menjadi tiga hingga empat kali lebih banyak daripada jumlah yang disimpan oleh pokok di darat.



PROGRAM menanam pokok bakau oleh kakitangan MBSB di Sabah. Program CSR itu bertujuan menangani perubahan iklim.

"Kami menjangkakan untuk menanam 1,500 pokok bakau tahun ini. Setakat ini, kami telah menanam 500 pokok bakau dengan bantuan pekerja kami di Kedah, Selangor dan Sabah.

"Lebih banyak pokok bakau dijangka akan ditanam di Johor, Pahang dan Sarawak dalam beberapa bulan akan datang, yang juga sempena memperingati Hari Bakau Antarabangsa pada 26 Julai," katanya dalam kenyataan.

Antara spesies bakau yang ditanam termasuk 'Rhizophora Apiculata' atau dikenali sebagai 'Bakau Minyak' dan 'Rhizophora Mucronata' yang dikenali sebagai 'Bakau Kurap'.

Pertumbuhan pokok dipantau menggunakan sistem tag yang memudahkan penyelenggaran pokok dan pencegahan pencerobohan.


MBSB Bank bertujuan untuk membawa impak positif dan mampan kepada ekonomi, masyarakat dan alam sekitar dengan menguna pakai Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG) dalam operasi keraja'a juga merupakan ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Global Compact Malaysia dan Brunei.

Penyebar Fikiran Rakyat
Utusan MALAYSIA

2 Ogos 2023

THE Star the people's paper

9 September 2023



The canopy walk provides visitors and tourists with a wonderful aerial view of the tree tops with the city as its background. — Photos: AZHAR MAHFOF/The Star

A hidden gem in the city

Kuala Lumpur Forest Eco Park offers awe-inspiring experience

NESTLED in the heart of Malaysia's bustling capital Kuala Lumpur lies a tranquil and green sanctuary that stands out in stark contrast to the urban landscape that surrounds it.

The Kuala Lumpur Forest Eco Park provides a remarkable retreat into nature, showcasing the harmonious coexistence of a vibrant city with the lushness a tropical rainforest, which is one of the world's oldest.

The eco park reflects the city's commitment to preserving its natural heritage.

Spread across 9ha, this urban rainforest provides visitors with a unique opportunity to immerse themselves in an ecosystem that thrives amid skyscrapers and other modern infrastructure.

One of the standout features of the eco-park is its innovative canopy walk, often referred to as the 'Forest Skywalk'.

Elevated 20km above the ground, the walkway grants visitors a breathtaking view of the rainforest canopy, allowing them to observe the flora and fauna that call this ecosystem home.

But the Kuala Lumpur Forest Eco Park isn't just about observing nature from a distance.

The park offers a range of trails for those seeking a deeper connection with the environment.

There are over 200 species of plants to admire, including various types of trees and ferns.

From leisure strolls to more challenging hikes, the trails allow visitors to explore the diverse vegetation, encounter wildlife, and enjoy the serenity of nature in the heart of the city.



Kuala Lumpur Forest Eco Park is the only natural rainforest in Kuala Lumpur. It was formerly known as Bukit Nanas Forest Reserve and spans around 9ha with interwoven tracks ideal for jogging.



Tourists admiring the flora and fauna from the canopy walk.



The entrance to the canopy walk is only five minutes from the main entrance near the Bukit Nanas Information Centre.



The eco park isn't just for tourists seeking an escape; it's a haven for city dwellers in search of respite from the everyday hustle and bustle.



6 OCTOBER 2023 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu (tengah) bersama menteri-menteri dan perwakilan negara-negara ASEAN bergambar sempena AMAF ke-45 di sebuah hotel di Kuala Lumpur pada lumsat.

AMAF ke-45 pacu sektor pertanian, perhutanan

KUALA LUMPUR

Malaysia menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) ke- 45 yang telah berlangsung di sini bermula 2 hingga 6 Oktober 2023.

Selaras dengan keutamaan kerjasama badan sektoral AMAF, mesyuarat AMAF ke-45 dan mesyuarat lain berkaitan telah memfokuskan kepada peningkatan kuantiti dan kualiti pengeluaran yang mampan berasaskan teknologi hijau.

Mesyuarat itu juga membincangkan usaha meningkatkan perdagangan bagi sektor pertanian dan perhutanan khususnya aspek sanitasi dan fitosanitari, integrasi ekonomi dan akses pasaran, daya tahan kedua-dua sektor terhadap perubahan iklim, bencana alam serta krisis yang sukar dijangkakan dalam memastikan keterjaminan makanan di rantau ini.

Acara berprestij selama lima hari itu berjalan lancar dan menghasilkan pelbagai bentuk kerjasama yang berpotensi dalam memacu sektor pertanian dan perhutanan di negara ASEAN.



Delegasi negara-negara ASEAN menyempurnakan aktiviti penanaman 14 pokok tongkat ali di Taman Botani Negara Shah Alam.



Menteri-Menteri ASEAN meninjau sawah padi ketika melawat Taman Botani Negara Shah Alam.



Mohamad bersama Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Vietnam, Nguyen Quoc Tri sempena AMAF ke-45.



Mohamad berucap sempena AMAF ke-45 di sebuah hotel pada Khamis.



Mohamad mengendalikan jentera penanam di Taman Botani Negara Shah Alam pada Khamis.

Sinar Harian

7 Oktober 2023

Sinar Harian

16 November 2023

Kerajaan negeri diminta terima pakai pindaan RUU perhutanan

ROMPIN - Semua kerajaan negeri diminta memberi sokongan dengan menerima pakai keseluruhan pindaan dicadangkan dalam Rang Undang-undang (RUU) Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 yang telah diluluskan dan diwartakan di peringkat Persekutuan pada September tahun lalu sebagai penakmen perhutanan (pemakaian) di negeri masing-masing.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, antara penambahbaikan utama yang diperkenalkan dalam pindaan itu adalah memperketatkan proses pewartaan keluar dan penggantian Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Menurutnya, melalui penambahbaikkan RUU itu, proses penyiasatan awam diperkenalkan sebelum kawasan HSK diwarta keluar dan penggantian serentak bagi HSK yang diwarta keluar.

"Kadar denda maksimum bagi kesalahan hutan juga telah ditingkatkan daripada RM500,000 kepada RM5 juta dan hukuman penjara maksimum dinaikkan kepada tujuh tahun hingga 20 tahun sebagai langkah pencegahan.

"Kerajaan juga akan terus memelihara dan memulihara kawasan berhutan dan khazanah kepelbagaian biologi serta berlitizam untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan hutan.

"Pada masa ini keluasan kawasan berhutan negara adalah 18,045,600 hektar atau 54.58 peratus daripada keluasan tanah negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Pahang dan perasmian Pejabat Hutan Daerah Rompin yang disempurnakan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah di sini pada Rabu.



Nik Nazmi (tiga dari kanan) mengiringi Al-Sultan Abdullah menyempurnakan sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Pahang dan perasmian Pejabat Hutan Daerah Rompin pada Rabu.

Nik Nazmi berkata, sasaran 50 peratus kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia menjelang tahun 2040 merupakan perubahan besar dalam memperkukuhkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan berhutan di negeri-negeri.

"Justeru, langkah-langkah transformatif dipergiatkan dalam pembentangan Belanjawan 2024 untuk mengukuhkan usaha banteras pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar.

"Melalui Program Rondaan dan Perlindungan Biodiversiti (BP3) tahun ini, kerajaan lantik 1,500 Renjer Komuniti terdiri daripada veteran Angkatan Tentera Malaysia, veteran Polis Diraja Malaysia, masyarakat Orang Asli serta komuniti setempat," katanya.





JAWATANKUASA EDITORIAL 2023

EDITORIAL COMMITTEE

Nepenthes latiffiana

JAWATANKUASA EDITORIAL LAPORAN TAHUNAN JPSM TAHUN 2023

ANNUAL REPORT EDITORIAL COMMITTEE FDPM 2023



PENAUNG / *PATRON*

Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia



PENGERUSI / *CHAIRMAN*

Mohd Radhi Chu bin Abdullah
Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan



PENGERUSI SILIH GANTI / *ALTERNATE CHAIRMAN*

Tuan Marina binti Tuan Ibrahim
Ketua Seksyen Ekonomi Hutan
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan



AHLI-AHLI / *MEMBERS*

Jennifer anak Francis
Penolong Pengarah
(Hal Ehwal Antarabangsa) I
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa



AHLI-AHLI / *MEMBERS*

Muhammad Umar bin Abdullah
Penolong Pengarah
(Pengukuhan Integriti)
Unit Integriti Perhutanan



AHLI-AHLI / *MEMBERS*

Azlan bin Abdul Aziz
Penolong Pengarah
(Pegembangan)
Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan



AHLI-AHLI / *MEMBERS*

Sabarina binti Abd Latif
Penolong Pengarah
(Pengembangan) II
Bahagian Latihan Perhutanan



AHLI-AHLI / *MEMBERS*

Nor Izzati binti Othman
Penolong Pengarah
Ekonomi Hutan III
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan



AHLI-AHLI / *MEMBERS*

Hamidah binti Muhamad
Penolong Pegawai Tadbir
Pengurusan Sumber Manusia
Bahagian Khidmat Pengruusan

JAWATANKUASA EDITORIAL LAPORAN TAHUNAN JPSM TAHUN 2023

ANNUAL REPORT EDITORIAL COMMITTEE FDPM 2023



URUS SETIA /
SECRETARIATE

Norulhuda binti Ali
Penolong Pengarah
Ekonomi Hutan II
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan



URUS SETIA /
SECRETARIATE

Noorazila binti Yatim
Penolong Pegawai Kanan
Ekonomi Hutan
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan



JURU GAMBAR /
CAMERAMAN

Gerald Trabucon
Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan



JURU GAMBAR /
CAMERAMAN

Mohd Fadil Bin Ibrahim
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

Penghargaan / *Acknowledgement*

Dr. Mohd Norfaizal bin Ghazalli - Sumbangan gambar / *Photo contribution*

Wakil – wakil Jabatan Perhutanan Negeri
Representatives from the State Forestry Department

Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan W.P. Kuala Lumpur

AKRONIM / *ACRONYMS*

3RSM	Program Restorasi,Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia *Restoration, Reclaimation and Rehabilitation of Degraded Forest Area in Peninsular Malaysia*
ACB	*ASEAN Centre for Biodiversity*
ACIAR	*The Australian Centre for International Agricultural Research*
AGI	*ASEAN Green Initiative*
AHEG	*Ad hoc Expert Group*
AI	*Artificial Intelligence*
AMAF	Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Pertanian dan Perhutanan *ASEAN Ministerial Meeting on Agriculture and Forestry*
AMS	*ASEAN Member States*
APEC	*Asia Pacific Economic Cooperation*
APFC	*Asia Pacific Forestry Commission*
APFNet	*Asia-Pacific Network for Sustainable Forest Management and Rehabilitation*
APMS	*ASEAN Peatland Management Strategy*
APN	Akta Perhutanan Negara
ASOF	*ASEAN Senior Officials on Forestry*
ATFP	*SEAN Task Force on Peatland*
AWG-FPD	*ASEAN Working Group on Forest Products Development*
AWG-SF	*ASEAN Working Group on Social Forestry*
BLH	Bahagian Ladang Hutan
BLP	Bahagian Latihan PerhutananPL
BKH	Bahagian Kejuruteraan Hutan
BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
BPE	Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan
BPM	Bahagian Pengurusan Maklumat
BPP	Bahagian Perundangan dan Pendakwaan
BRI	*Belt and Road Initiative*
BTR	*Biennial Transparency Report*
BUH	Bahagian Pengurusan Hutan
NFA	*National Forestry Act*
CATS	*Conservation Assured Tiger Standards*
CFS	*Central Forest Spine*
CITES	*Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora*
CLI	*Country-led Initiative*
COP-28	*The 28th Conference of Parties*
CT	*Customary Tenure*
CTT	Catuan Tebangan Tahunan
AAC	*Annual Allowable Coupe*
DPSM	Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia
DPM	Dasar Perhutanan Malaysia
MFP	*Malaysia Forestry Policy*
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
eGP	Elektronik Geospatial Perhutanan *Forestry Geospatial Electronics*
EGILAT	*Expert Group on Illegal Logging and Associated Trade*
EUDR	*European Union Deforestation-Free Regulation*
ERT	Spesies Sangat Terancam, Terancam dan Jarang Ditemui *Endangered, rare and threatened species*
FAO	*Food and Agriculture Organization*
FHD	*Forestry Hiking Day*
FMRS	*Forest Monitoring using Remote Sensing*
FMU	Unit Pengurusan Hutan *Forest Management Unit*
FORTRAIN	Institut Latihan Perhutanan *Forestry Training Institute*
FPIC	*Developing Free, Prior, and Informed Consent*
FRA	*Global Forest Resources Assessment*
FRIM	Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia *Forest Research Institute Malaysia*
GFFFN	*Global Forest Financing Facilitation Network*
GIS	Sistem Maklumat Geografi *Geographical Information System*
GLSTF	*Global Legal and Sustainable Timber Forum*
GPJH	Garis Panduan Jalan Hutan

GPS	Sistem Kedudukan Global *Global Positioning System*
GST	*Global Stocktake*
ha	hektar
HCVF	Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan yang Tinggi *High Conservation Value Forest*
HS	Hutan Simpan
FR	*Forest Reserve*
HSK	Hutan Simpanan Kekal
PRF	*Permanent Reserved Forest*
IBK	Industri Berasas Kayu *Wood-Based Industry*
IBFIM	*Islamic Banking & Finance Institute Malaysia*
IC-CFS	*Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape*
ICT	*Information & Communication Technology*
IPJPSM	Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
FDPMHq	*Forestry Deparment of Peninsular Malaysia Headquarters*
IR	*Industrial Revolution*
JPN	Jabatan Perhutanan Negeri
SFD	*State Forestry Department*
JPSM	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
FDPM	*Forestry Deparment of Peninsular Malaysia*
SFD	*State Forestry Department*
JIP	Jawatan Ibu Pejabat
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
GDP	*Gross Domestic Product*
KKB	Kayu Keras Berat
HHW	*Heavy Hard Wood*
KKR	Kayu Keras Ringan
MHW	*Medium Hard Wood*
KKS	Kayu Keras Sederhana
LHW	*Light Hard Wood*
KPI	*Key Performance Indicators*
KPKK	Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
CGSO	*Chief Government Security Officer*
KPPSM	Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
DGFDPM	*Director-General of Forestry Peninsular Malaysia*
KSN	Ketua Setiausaha Negara
KUP	Khas Untuk Penyandang *Personal to Holder*
KWPH	Kumpulan Wang Pembangunan Hutan
LT-LEDS	*Long Term- Low Emission Development Strategies*
LESTARI	Institut Alam Sekitar dan Pembangunan
LPKM	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
MTIB	*Malaysian Timber Industry Board*
LIH	Latihan Ikhtiar Hidup *Survival Training*
LTP	Latihan Teknikal Perhutanan *Forestry Technical Training*
(M)	Memangku *Acting*
MAHFSA	*Measurable Action for Haze-Free Sustainable Land Management in Southeast Asia*
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia *Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit*
MBJ	Majlis Bersama Jabatan
MC&I	*Malaysian Criteria and Indicators*
MDF	*Medium Density Fibreboard*
MFF	*Malaysian Forest Fund*
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia *Ministry of Finance*
MTCS	*Malaysian Timber Certification Scheme*
MTN	Majlis Tanah Negara
NLC	*National Land Council*
MYSA	Agensi Angkasa Malaysia *Malaysian Space Agency*
MYTLAS	*Peninsular Malaysia Timber Legality Assurance System*
NBS	*Nature-Based Solution*
NDC	*Nationally Determined Contribution*
NGO	Badan-Badan Bukan Kerajaan *Non-Governmental Organisations*
NLP	*Natural Language Processing*
NBDC2023	Persidangan Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2023 *National Biological Diversity Conference 2023*
NIR	*National Inventory Report*

NRECC	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim *Ministry of Natural Resources, Environment and Climate Change*
NRES	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Ministry of Natural *Resources and Environmental Sustainability*
OBK	Operasi Bersepadu Khazanah
PPBBBT	Pusat Perolehan Biji Benih & Bahan TanamanIPJPSM
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
DWNP	*Department of Wildlife and National Parks*
PHD	Pejabat Hutan Daerah *District / Provincial Forest Office*
PHSB	Pengurusan Hutan Secara Berkekalan
SFM	*Sustainable Forest Management*
PIRECFS	Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine
PK	Pelan Kelestarian
SP	*Sustainability Plan*
PICC	*Putrajaya International Convention Centre*
PLPT	Pusat Latihan Perhutanan Terengganu *Terengganu Forestry Training Centre*
PSC	*Programme Steering Committee*
PSOH	Projek Pendigitalan Sumber dan Operasi Hutan
RCFCBC	Persidangan Serantau Keterhubungan Hutan dan Pemuliharaan Biodiversiti 2023 *Regional Conference on Forest Connectivity and Biodiversity Conservation 2023*
RIL	Pengusahasilan Hutan Berimpak Rendah *Reduced Impact Logging*
RM	Ringgit Malaysia
RS	*Remote Sensing*
SAaKA	Garis Panduan Penggunaan Sistem Amaran Awal Kepala Air
SDG	*Sustainable Development Goals*
SFC	Seminar Perhutanan Sosial Kebangsaan *Social Forestry Conference*
SMS	*Selective Management System*
SMART	*Spatial Monitoring and Reporting Tools*
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
MACC	*Malaysian Anti-Corruption Commission*
SRF	*Strategic Results Framework*
SUPA	*The Sustainable Use of Peatland and Haze Mitigation in ASEAN*
TBK	*Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan
TER	Taman Eko-Rimba
TERKL	Taman Eko-Rimba KL
KLFEP	*KL Forest Eco-Park*
TESSA	*Toolkit for Ecosystem Services Sitebased Assessment*
TKP(DP)	Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan)
DDGFD(DP)	*Deputy Director-General (Policy and Planning)*
TKP(OT)	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknikal)
DDGFD(OT)	*Deputy Director-General (Operations and Technical)*
UAE	*United Arab Emirates*
UIP	Unit Integriti Perhutanan
UNCCD	*United Nations Convention to Combat Desertification*
UNDP	*United Nations Development Programme*
UNFF	*United Nations Forum on Forests*
USD	*US Dollar*
UNESCO	*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation*
UNFCCC	*United Nations Framework Convention on Climate Change*
UNSPF	*United Nations Strategic Plan for Forests*
WP	Wilayah Persekutuan
WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur *Federal Territory of Kuala Lumpur*
YAB	Yang Amat Berhormat
YBhg.	Yang Berbahagia

PETA LOKASI
LOCATION MAP



Alamat / *Address*

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Forestry Department of Peninsular Malaysia Headquarter's
Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur

03-26164488

03-26925657

Careline 1-800-88-5776

Koordinat GPS
GPS Coordinates
3° 9' 34", 101° 41' 3"

www.forestry.gov.my



ISSN 1394-0074
9 771394 007005

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin,
50660 Kuala Lumpur

No. Tel: 603-26164488
No. Faks: 603-26925657

webmaster@forestry.gov.my